

# 600 penduduk terputus hubungan

**Rantau Panjang:** Penduduk di tujuh kampung yang dinaiki air diminta bersedia untuk berpindah ke pusat pemindahan pada bila-bila masa ekoran air sungai Golok berdekatan di paras bahaya iaitu sedalam 9.59 meter.

Ketua Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Rahmat Kamarulzaman berkata, banjir berkenaan membabitkan 600 penduduk di Kampung Lubuk Gong, Tersang, Siram dan empat kampung iaitu Lachang, Bonggor, Jawi dan Putat Tujuh kini terputus hubungan.

Katanya, ia disebabkan jalan utama yang menghubungkan kampung berkenaan sudah dinaiki air sejak kelmarin.

“Saya nasihatkan penduduk menjaga keselamatan mereka bagi mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku. Mereka diminta berhati-hati jika menggunakan jalan utama itu demi keselamatan diri.

“Mereka juga diminta bersedia

berpindah ke kawasan lebih selamat jika mendapat arahan daripada pihak berkuasa.

“Jika hujan berterusan, Sungai Golok akan terus melimpah dan air akan naik ke kawasan rumah penduduk,” katanya selepas membuat tinjauan di rumah penduduk berdekatan tebing Sungai Golok, semalam.

Menurutnya, walaupun air semakin naik, namun ia masih dalam keadaan terkawal.

Oleh itu, pihaknya akan terus membuat pemantauan bagi memastikan kesemua penduduk di kawasan itu terselamat.

Dalam pada itu berdasarkan portal ebanjir, hanya Sungai Golok di Rantau Panjang merekodkan paras bahaya 9.59 meter berbanding sembilan meter kelmarin sehingga jam 6 petang semalam.

Bagaimanapun sehingga kini tiada mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara dan tiada laluan ditutup.